



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### AKTA 341 AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Tarikh Persetujuan Diraja:  
Tarikh diterbitkan dalam Warta:  
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan:

11 Mei 1988  
09 Jun 1988  
01 September 1989

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

Tajuk panjang & Mukadimah.

#### **BAHAGIAN I - PERMULAAN**

Seksyen 1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.  
Seksyen 2. Tafsiran.

#### **BAHAGIAN II - PENTADBIRAN**

Seksyen 3. Jabatan Perkhidmatan Bomba dan pegawai-pegawainya.  
Seksyen 4. Perlantikan Pegawai Bomba Bantuan.  
Seksyen 5. Tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba.  
Seksyen 6. Pakaian seragam dan kad pengenalan.  
Seksyen 7. Penjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan tugas-tugas.

#### **BAHAGIAN III - PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN**

Seksyen 8. Notis menghapuskan bahaya kebakaran.  
Seksyen 9. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran di premis kosong atau tak didiami.  
Seksyen 10. Kesalahan kerana tidak mematuhi notis menghapuskan bahaya kebakaran.  
Seksyen 11. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran apabila notis menghapuskan bahaya kebakaran tak dipatuhi.  
Seksyen 12. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran dalam kes-kes mendesak.  
Seksyen 13. Perintah tutup.  
Seksyen 14. Rayuan terhadap perintah tutup atau keengganan membuat perintah tutup.  
Seksyen 15. Pelupusan harta yang dipindahkan oleh Ketua Pengarah.  
Seksyen 16. Mendapatkan kembali perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan kerja di bawah seksyen 11.  
Seksyen 17. Mendapatkan kembali perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan kerja di bawah seksyen 12.

Seksyen 18. Kuasa-kuasa Pegawai Bomba semasa kebakaran.  
Seksyen 19. Kuasa-kuasa Pegawai Bomba semasa kecemasan yang tidak melibatkan kebakaran.  
Seksyen 20. Perlindungan Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan.  
Seksyen 21. Kerugian disebabkan kebakaran hendaklah termasuk kerosakan akibat daripada menentang kebakaran.

#### **BAHAGIAN IV - AIR DAN PILI BOMBA**

Seksyen 22. Penstoran air dalam premis untuk tujuan menentang kebakaran.  
Seksyen 23. Notis bagi kerja yang menjejaskan pili bomba.  
Seksyen 24. Kewajipan pihak berkuasa air memberitahu Pengarah Negeri tentang apa-apa tindakan yang menjejaskan aliran air ke pili bomba.  
Seksyen 25. Kuasa memasang plat tempat pili bomba.  
Seksyen 26. Menyembunyikan dan menyalahgunakan pili bomba.

#### **BAHAGIAN V- PERAKUAN BOMBA**

Seksyen 27. Kuasa Ketua Pengarah untuk menentukan dan menetapkan penggunaan, saiz, atau tempat, tertentu sesuatu premis.  
Seksyen 28. Keperluan bagi perakuan bomba.  
Seksyen 29. Permohonan dan pengeluaran perakuan bomba.  
Seksyen 30. Bentuk perakuan bomba.  
Seksyen 31. Menetapkan fee bagi pengeluaran perakuan bomba.  
Seksyen 32. Perubahan keadaan yang menjejaskan kecukupan kemudahan keselamatan diri, dll.  
Seksyen 33. Kesalahan berhubung dengan perakuan bomba.  
Seksyen 34. Hak merayu.  
Seksyen 35. Kuasa mahkamah melarang atau menyekat penggunaan premis tertentu.  
Seksyen 36. Rayuan terhadap perintah larangan atau keengganan membuat perintah larangan.

#### **BAHAGIAN VI - PENGUATKUASAAN**

Seksyen 37. Penguatkuasaan Akta.  
Seksyen 38. Kuasa untuk masuk.  
Seksyen 39. Sekatan ke atas pendedahan maklumat.  
Seksyen 40. Kuasa untuk menangkap tanpa waran.  
Seksyen 41. Kuasa bagi penyiasatan.  
Seksyen 42. Kuasa menghendaki kehadiran saksi.  
Seksyen 43. Pemeriksaan saksi-saksi.  
Seksyen 44. Penjalanan pendakwaan.

#### **BAHAGIAN VII - SIASATAN TENTANG KEBAKARAN**

Seksyen 45. Siasatan tentang kebakaran.  
Seksyen 46. Mengambil milik premis dan harta lain yang telah dirosakkan atau dimusnahkan oleh api.  
Seksyen 47. Kehadiran tanpa kebenaran dalam premis yang telah diambil milik di bawah seksyen 46.

#### **BAHAGIAN VIII - KUMPULAN WANG KEBAJIKAN**

Seksyen 48. Penubuhan Kumpulan Wang.  
Seksyen 49. Kawalan Kumpulan Wang.

#### **BAHAGIAN XI - PELBAGAI**

Seksyen 50. Tugas khas dan perbelanjaannya.  
Seksyen 51. Mengganggu Pegawai-Pegawai Bomba dalam melaksanakan tugas-tugasnya.  
Seksyen 52. Kegagalan mematuhi arahan.  
Seksyen 53. Pemakaian pakaian seragam tanpa kebenaran.  
Seksyen 54. Pemalsuan dokumen, pernyataan palsu, dsb.  
Seksyen 55. Kesalahan-kesalahan berkenaan dengan penggera kebakaran.  
Seksyen 56. Memberi laporan palsu mengenai kebakaran.

Seksyen 57. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.  
Seksyen 58. Penalti am.  
Seksyen 59. Mengkompaun kesalahan.  
Seksyen 60. Kuasa memakai Akta bagi vesel dan struktur boleh alih.  
Seksyen 61. Penyampaian notis dan dokumen-dokumen lain.  
Seksyen 62. Kuasa membuat peraturan-peraturan.  
Seksyen 63. Pemansuhan.

JADUAL

## **Tajuk panjang & Mukadimah.**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

#### **1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.**

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta; dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini, atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini, di Malaysia Barat, Negeri Sabah, dan Negeri Sarawak masing-masingnya.

#### **2. Tafsiran.**

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"Akta ini" termasuklah peraturan-peraturan dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini;

"bahaya kebakaran" ertinya-

(a) apa-apa pengubahan menyalahi undang-undang pada mana-mana bangunan yang mungkin menjadikan pelepasan diri dari mana-mana bahagiannya sekiranya berlaku kebakaran pada matannya lebih sukar atau kurang mudah daripada yang sepatutnya jika pengubahan itu tidak dibuat;

(b) kesesakan mana-mana tempat hiburan awam atau perhimpunan awam yang mungkin menjadikan pelepasan diri dari mana-mana bahagiannya sukar sekiranya berlaku kebakaran;

(c) apa-apa pengalihan dari, atau tidak terdapatnya dalam, mana-mana bangunan apa-apa kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang dikehendaki oleh undang-undang supaya diadakan di dalam bangunan itu;

(d) adanya di dalam atau di luar mana-mana bangunan apa-apa kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran atau apa-apa kemudahan, yang dipasang mengikut kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba, yang tidak berada dalam keadaan baik;

(e) jalan keluar yang tidak mencukupi dari mana-mana bahagian sesuatu bangunan ke mana-mana tempat, sama ada di dalam atau di luar bangunan itu, yang memberikan perlindungan kepada orang-orang sekiranya berlaku kebakaran; atau

(f) apa-apa perkara atau hal keadaan lain yang pada matannya meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran atau bahaya kepada nyawa atau harta akibat daripada berlakunya kebakaran, atau yang pada matannya akan mengganggu Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam menjalankan tugasnya sekiranya berlaku kebakaran;

"bencana" ertinya suatu kejadian dalam mana nyawa atau harta terancam atau mungkin akan terancam;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran" ertinya apa-apa kelengkapan atau pemasangan bagi -

(a) memadam, menentang, mencegah, atau menghadkan kebakaran;

(b) memberi amaran tentang sesuatu kebakaran;

(c) mengadakan laluan masuk ke mana-mana premis atau tempat atau ke mana-mana bahagiannya untuk tujuan memadam, menentang, mencegah, atau menghadkan kebakaran;

(d) mengadakan bekalan kuasa kecemasan sekiranya berlaku gangguan kuasa biasa;

(e) mengadakan lampu kecemasan untuk tujuan melepaskan diri dari bangunan;

(f) menunjukkan arah ke suatu laluan kecemasan atau tempat berlindung; atau

(g) mengadakan jalan keluar yang cukup dan selamat untuk tujuan pengungsian atau pengeluaran penghuni-penghuni sekiranya berlaku kebakaran;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik menurut seksyen 3 (2)

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba yang ditubuhkan di bawah seksyen 48;

"langgaran" termasuklah kegagalan mematuhi, dan "melanggar" mempunyai makna yang bersamaan;

"mahkamah" ertinya mahkamah Majistret Kelas Satu;

"Negeri" termasuklah Wilayah Persekutuan;

"notis" ertinya suatu notis bertulis;

"Pegawai Bomba" ertinya orang yang diguna-khidmat dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam;

"Pegawai Bomba Bantuan" ertinya seorang Pegawai Bomba Bantuan yang dilantik di bawah seksyen 4;

"pegawai diberikuasa" ertinya Ketua Pengarah dan mana-mana Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah secara bertulis untuk bertindak di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini;

"Pegawai Kanan Bomba" ertinya seorang Pegawai Bomba daripada apa-apa pangkat dari dan termasuk Ketua Pengarah ke bawah hingga dan termasuk Penolong Penguasa;

"pemunya", berhubung dengan mana-mana premis, ertinya-

(a) tuan punya berdaftar premis itu;

(b) jika tuan punya berdaftar premis itu tidak dapat dikesan, ejennya atau pemegang amanahnya;

(c) jika tuan punya berdaftar premis itu telah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang;

(d) jika tiada mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c), orang yang pada masa ini menerima sewa premis itu, sama ada bagi dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah seorang yang lain atau sebagai seorang penerima, atau yang sepatutnya menerima sewa itu jika premis itu disewakan;

"Pengarah" termasuklah Pengarah Negeri;

"Pengarah Negeri" ertinya Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik untuk sesuatu Negeri menurut seksyen 3 (3);

"perakuan bomba" ertinya perakuan bomba yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 29 (4);

"perintah tutup" ertinya suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 13 yang melarang apa-apa penggunaan sesuatu premis sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, yang penggunaannya boleh pada matannya meningkatkan kemungkinan terjadinya kebakaran atau bahaya kepada nyawa atau harta akibat daripada berlakunya kebakaran di dalam atau ke atas premis itu atau premis lain;

"pihak berkuasa air" ertinya mana-mana orang atau badan yang diberi kuasa atau dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk membekalkan air dan mengenakan caj bagi bekalan tersebut;

"premis" termasuklah mesuaj, rumah, bangunan atau bahagian sesuatu bangunan, tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada terdapat binaan atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara di bawah kuasa berkanun atau tidak;

"premis ditetapkan" ertinya premis yang penggunaan, saiz, atau tempatnya, telah ditetapkan di bawah seksyen 27 bagi maksud pengeluaran perakuan bomba;

"tugas khas" ertinya apa-apa tugas atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana pegawai diberikuasa, selain daripada tugas-tugas menentang kebakaran atau kecemasan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 50;

"vesel" termasuklah setiap jenis vesel stim atau layar, hulk, jong, bot, sampan atau apa-apa jenis rakit yang digunakan untuk membawa orang atau benda melalui air atau untuk penstoran.

## **BAHAGIAN II PENTADBIRAN**

### **3. Jabatan Perkhidmatan Bomba dan pegawai-pegawainya.**

(1) Maka hendaklah ada suatu Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi Persekutuan.

(2) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba dan beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba, Penolong Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba, Pengarah Perkhidmatan Bomba, dan Pegawai Kanan Bomba serta Pegawai Bomba lain sebagaimana yang perlu bagi Jabatan itu berfungsi dengan berkesan dan cekap.

(3) Maka hendaklah ada seorang Pengarah Perkhidmatan Bomba bagi setiap Negeri dalam Malaysia.

(4) Perlantikan Ketua Pengarah dan tiap-tiap Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, dan Pengarah hendaklah disiarkan dalam Warta.

(5) Tiap-tiap Pegawai Bomba hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pengarah.

#### **4. Perlantikan Pegawai Bomba Bantuan.**

(1) Ketua Pengarah boleh, dengan persetujuan Menteri, melantik beberapa orang Pegawai Bomba Bantuan bagi setiap Negeri atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pegawai-Pegawai Bomba Bantuan tidak boleh dibayar apa-apa saraan selain daripada apa-apa elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(3) Pegawai-Pegawai Bomba Bantuan hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan langsung Pengarah-Pengarah Negeri masing-masing.

(4) Seseorang Pegawai Bomba Bantuan hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [N.M.B Bab 45].

#### **5. Tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba.**

(1) Tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba hendaklah termasuk -

(a) mengambil langkah-langkah yang sah bagi -

(i) memadam, menentang, mencegah, dan mengawal kebakaran;

(ii) melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran;

(iii) menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyenggaraannya, dan pengawalseliaannya yang sempurna; dan

(iv) menentukan adanya jalan keluar yang cukup dari semua premis ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran;

(b) menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca, dan hal keadaan kebakaran; dan

(c) melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

(2) Jabatan Perkhidmatan Bomba boleh, selain daripada tugas-tugasnya di bawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri supaya dilaksanakannya.

#### **6. Pakaian seragam dan kad pengenalan.**

(1) Tiap-tiap Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam dan tanda-tanda pangkat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Tiap-tiap Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan hendaklah dibekalkan dengan kad pengenalan mengikut bentuk yang ditetapkan.

## **7. Penjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan tugas-tugas.**

(1) Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah di bawah seksyen 4(1), 22(1), 29, 46 dan 50 boleh, tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pengarah, dijalankan atau dilaksanakan oleh seorang Pengarah Negeri, tetapi penjalanan dan pelaksanaan kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut oleh Pengarah Negeri hendaklah terhad kepada Negeri yang dia dilantik melainkan Ketua Pengarah, melalui pemberitahuan dalam Warta, meluaskan bidang kuasanya secara am berkenaan dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut atau mana-mana daripadanya kepada sesuatu Negeri atau Negeri-Negeri lain atau bahagiannya.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, mewakili penjalanan mana-mana kuasanya atau pelaksanaan mana-mana tugasnya di bawah Akta ini kepada mana-mana Pegawai Bomba, dan jika Ketua Pengarah bertindak di bawah subseksyen ini, dia hendaklah menyatakan had kawasan dan tempoh bidang kuasa wakilannya itu.

(3) Penjalanan kuasa-kuasa atau pelaksanaan tugas-tugas yang diwakilkan di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pengarah.

## **BAHAGIAN III PENGHAPUSAN BAHAYA KEBAKARAN**

### **8. Notis menghapuskan bahaya kebakaran.**

(1) Ketua Pengarah, jika berpuas hati adanya, apa-apa bahaya kebakaran di dalam mana-mana premis, boleh menyampaikan -

(a) kepada orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan, jika dia adalah penghuni premis itu pada masa notis itu hendak disampaikan; atau

(b) jika orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan bukannya penghuni premis itu pada masa notis itu hendak disampaikan atau tidak diketahui, kepada pemunya premis tersebut; atau

(c) jika pemunya premis itu tidak dapat dipastikan atau dijumpai dengan mudahnya atau tidak berada di Malaysia, kepada penghuni premis itu, tanpa mengira sama ada dia adalah orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan, suatu notis menghapuskan bahaya kebakaran dalam Borang A dalam Jadual, menghendakinya menghapuskan bahaya kebakaran itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, dan melakukan semua perkara yang perlu bagi maksud tersebut; dan notis itu boleh, jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, menyatakan apa-apa kerja yang perlu dilaksanakan bagi maksud tersebut.

(2) Jika Ketua Pengarah fikirkan bahawa bahaya kebakaran itu mungkin akan berulang, maka dia boleh juga, melalui notis menghapuskan bahaya kebakaran di bawah subseksyen (1) atau melalui notis menghapuskan bahaya kebakaran kemudiannya dalam Borang B dalam Jadual, menghendaki orang yang disampaikan notis itu melakukan apa jua yang perlu bagi mencegah berulangnya bahaya kebakaran yang dimaksudkan oleh notis itu dan, jika Ketua Pengarah fikirannya wajar, menyatakan apa-apa kerja yang perlu dilaksanakan bagi maksud tersebut; dan suatu notis yang mengandungi kehendak-kehendak yang sedemikian boleh disampaikan walaupun bahaya kebakaran yang dimaksudkan oleh notis itu mungkin telah dihapuskan pada masa itu.



### **9. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran di premis kosong atau tak didiami.**

Jika premis di mana terdapatnya bahaya kebakaran itu kosong atau tak didiami, maka Ketua Pengarah boleh, dengan kekerasan jika perlu, dengan menggunakan alat yang ada padanya, menghapuskan bahaya kebakaran itu dan melakukan apa jua yang perlu untuk mencegah berulangnya bahaya tersebut.

### **10. Kesalahan kerana tidak, mematuhi notis menghapuskan bahaya kebakaran.**

Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa kehendak notis menghapuskan bahaya kebakaran yang disampaikan kepadanya menurut seksyen 8 dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, sama ada suatu perintah di bawah seksyen 13 telah dibuat terhadapnya atau tidak, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **11. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran apabila notis menghapuskan bahaya kebakaran tak dipatuhi.**

Jika suatu notis menghapuskan bahaya kebakaran telah disampaikan kepada mana-mana orang menurut seksyen 8, dan jika orang itu tidak mematuhi apa-apa kehendak notis itu dalam masa yang dinyatakan di dalamnya, maka Ketua Pengarah boleh menyebabkan dijalankan dalam premis itu apa-apa kerja yang didapatinya perlu untuk menghapuskan bahaya kebakaran itu dan untuk mencegah berulangnya bahaya tersebut.

### **12. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghapuskan bahaya kebakaran dalam kes-kes mendesak.**

Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa apa-apa bahaya kebakaran yang terdapat dalam mana-mana premis -

(a) menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta dan nyata dalam premis itu; atau

(b) mungkin, sekiranya kebakaran berlaku dalam premis itu, akan meningkatkan dengan nyatanya risiko kepada nyawa atau harta yang biasanya akan terjadi sekiranya berlaku kebakaran,

maka Ketua Pengarah boleh menyebabkan dijalankan dalam premis itu apa-apa kerja yang didapatinya perlu untuk menghapuskan bahaya kebakaran itu dan untuk mencegah berulangnya bahaya tersebut.

### **13. Perintah tutup.**

(1) Jika suatu notis menghapuskan bahaya kebakaran telah disampaikan kepada mana-mana orang, sekiranya -

(a) orang itu tidak mematuhi apa-apa kehendak notis itu dalam masa yang dinyatakan di dalamnya; dan

(b) bahaya kebakaran itu, sungguhpun telah dihapuskan sejak penyampaian notis itu, mungkin pada pendapat Ketua Pengarah akan berulang dalam premis yang sama,

dan Ketua Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu untuk melarang apa-apa penggunaan premis itu yang boleh pada matannya meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran atau bahaya kepada nyawa atau harta akibat daripada berlakunya kebakaran di dalam atau ke atas premis itu atau premis lain, maka Ketua Pengarah boleh, dengan cara membuat aduan, memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah tutup.

(2) Apabila menerima aduan dan permohonan bagi perintah tutup di bawah subseksyen (1), mahkamah hendaklah menyampaikan notis dalam Borang C dalam Jadual kepada pemunya atau penghuni premis itu, atau kedua-duanya, meminta mereka memberi sebab kenapa suatu perintah tutup tidak patut dibuat; dan jika sebab-sebabnya tidak diberikan oleh sama, ada pemunya atau penghuni itu atau kedua-duanya, maka mahkamah boleh membuat perintah sedemikian.

(3) Sesuatu perintah tutup hendaklah dalam Borang D dalam Jadual dan hendaklah disampaikan kepada kedua-dua pemunya dan penghuni premis yang berkenaan.

(4) Atas permohonan pemunya atau penghuni premis, atau apabila diberitahu oleh Ketua Pengarah, mahkamah, jika berpuas hati bahawa premis yang berkenaan dengannya suatu perintah tutup berkuatkuasa telah menjadi sesuai untuk kegunaan yang dinyatakan dalam perintah itu, boleh membatalkan perintah tutup tersebut.

(5) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah dengan disedarinya melanggar suatu perintah tutup adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

#### **14. Rayuan terhadap perintah tutup atau keengganan membuat perintah tutup.**

(1) Mana-mana pemunya atau penghuni yang tidak berpuas hati dengan perintah tutup yang dibuat di bawah seksyen 13 (2) boleh, dalam masa sepuluh hari dari pembuatan perintah itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(2) Jika mahkamah enggan membuat perintah tutup, maka Ketua Pengarah boleh, dalam masa sepuluh hari dari keputusan mahkamah itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan itu.

(3) Suatu rayuan terhadap perintah tutup tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai penggantung pelaksanaan tetapi mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila sebab-sebab yang mencukupi diberi, membenarkan penggantung pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

#### **15. Pelupusan harta yang dipindahkan oleh Ketua Pengarah.**

(1) Ketua Pengarah, dalam menghapuskan atau melakukan apa-apa yang perlu untuk mencegah berulangnya bahaya kebakaran, boleh memindahkan apa-apa harta yang secara langsung boleh menyebabkan bahaya kebakaran.

(2) Apa-apa harta yang dipindahkan di bawah subseksyen (1) boleh diletakkan di bawah jagaan Ketua Pengarah bagi tempoh tidak melebihi tujuh hari dan dalam tempoh itu pemunya adalah berhak menuntut harta tersebut dengan membayar perbelanjaan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apabila pemunya tidak membuat tuntutan, Ketua Pengarah boleh memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah untuk menjual atau melupuskan harta itu.

(4) Wang yang didapati daripada jualan apa-apa harta boleh disimpan oleh Ketua Pengarah dan digunakan untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan olehnya berkaitan dengan penghapusan, atau pencegahan berulangnya, bahaya kebakaran itu, dan bakinya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya harta itu.

#### **16. Mendapatkan kembali perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan kerja di bawah 11.**

Perbelanjaan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah dalam menjalankan apa-apa kerja di bawah seksyen 11 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan boleh didapatkan kembali di mahkamah daripada orang yang telah disampaikan notis menghapuskan bahaya kebakaran itu.

#### **17. Mendapatkan kembali perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan kerja di bawah seksyen 12.**

(1) Perbelanjaan yang dilakukan oleh Ketua Pengarah dalam menjalankan apa-apa kerja di bawah seksyen 12 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan boleh didapatkan kembali di mahkamah -

(a) daripada orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan, jika dia adalah penghuni premis itu pada masa kerja itu dimulakan;

(b) jika orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan bukannya penghuni premis itu pada masa kerja itu dimulakan atau tidak diketahui, daripada pemunya premis tersebut; atau

(c) jika pemunya premis itu tidak dapat dipastikan atau dijumpai dengan mudahnya atau tidak berada di Malaysia, daripada penghuni premis itu pada masa kerja itu dimulakan, tanpa mengira sama ada dia adalah orang yang disebabkan perbuatan, kemungkiran, atau pembiarannya bahaya kebakaran itu timbul atau berterusan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan apa-apa hak orang yang daripadanya perbelanjaan boleh didapatkan kembali di bawah subseksyen (1) untuk mendapatkan apa-apa sumbangan, tanggung rugi, atau gantirugi daripada mana-mana orang lain.

#### **18. Kuasa-kuasa Pegawai Bomba semasa kebakaran.**

(1) Semasa sesuatu kebakaran, seseorang Pegawai Bomba boleh -

(a) mengambil apa-apa langkah yang didapatinya perlu atau suaimanfaat bagi melindungi nyawa dan harta;

(b) mengeluarkan mana-mana orang yang dengan kehadirannya atau perbuatannya mengganggu kerja-kerja Jabatan Perkhidmatan Bomba;

(c) memasuki, memecah masuk atau merempuh masuk, dan mengambil milik atau merobohkan, atau menyebabkan diambil milik atau dirobohkan, mana-mana premis, tempat, atau benda untuk tujuan memadamkan kebakaran atau melindungi premis, tempat, atau benda itu daripada kebakaran, atau bagi menyelamatkan mana-mana orang atau apa-apa benda;

(d) menutup mana-mana jalan yang berhampiran dengan tempat kebakaran atau mengawal lalu-lintas atau orang ramai di mana-mana jalan tersebut;

(e) menggunakan mana-mana bekalan air yang sesuai.

(2) Kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) boleh dijalankan setakat yang perlu jika suatu kebakaran telah dengan munasabahnya dipercayai terjadi atau berlaku.

#### **19. Kuasa-kuasa Pegawai Bomba semasa kecemasan yang tidak melibatkan kebakaran.**

Dalam masa kecemasan yang tidak melibatkan kebakaran atau risiko kebakaran, kuasa-kuasa yang tersebut dalam seksyen 18 hendaklah dijalankan oleh mana-mana Pegawai Bomba jika dia berpendapat bahawa nyawa atau harta berada dalam keadaan bahaya hampir.

#### **20. Perlindungan Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan.**

Tiada Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan yang bertindak secara bona fide di bawah kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta ini boleh dikenakan apa-apa tindakan bagi gantirugi kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan olehnya berkaitan dengan tugas-tugasnya semasa sesuatu kebakaran atau apa-apa bencana.

#### **21. Kerugian disebabkan kebakaran hendaklah termasuk kerosakan akibat daripada menentang kebakaran.**

Apa-apa kerosakan atau kerugian yang ditanggung akibat apa-apa tindakan yang diambil atau perkara yang dilakukan oleh Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan pada menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan tugas-tugasnya semasa sesuatu kebakaran, untuk memadamkan kebakaran itu atau untuk menyekatnya daripada merebak, hendaklah, walau apa pun terma-terma apa-apa kontrak insurans terhadap kebakaran atau peruntukan mana-mana undang-undang, dianggap sebagai kerugian disebabkan kebakaran bagi maksud kontrak itu.

### **BAHAGIAN IV AIR DAN PILI BOMBA**

#### **22. Penstoran air dalam premis untuk tujuan menentang kebakaran.**

(1) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud memastikan adanya penstoran air yang cukup di tempat-tempat yang sesuai di sesuatu premis, mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang yang mengawal, atau pemunya, premis tersebut supaya menyediakan kemudahan dan bekalan air untuk tujuan menentang kebakaran:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi pihak berkuasa air.

(2) Apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengikat orang yang diberikan arahan itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **23. Notis bagi kerja yang menjejaskan pili bomba.**

(1) Tiada seorang pun, selain daripada pihak berkuasa air dan ejennya, boleh memulakan atau menjalankan, atau membenarkan atau mengarahkan permulaan atau perjalanan, apa-apa kerja yang menjejaskan mana-mana pili bomba atau aliran air kepadanya melainkan dia telah memberi notis bertulis mengenai cadangan atau tujuan hendak menjalankan kerja-kerja tersebut kepada Pengarah Negeri yang berkenaan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum kerja-kerja itu dimulakan:

Dengan syarat bahawa dalam hal-hal kecemasan, jika tidak praktik untuk memberi notis itu dalam masa yang dikehendaki, peruntukan ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika notis itu diberikan dengan seberapa segera yang mungkin selepas kejadian itu.

(2) Semua pili bomba hendaklah ditentukan supaya berada dalam keadaan baik setelah siapnya apa-apa kerja yang dijalankan oleh mana-mana orang di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa kerja yang berhampiran dengan atau di sekitar pili bomba yang menjejaskan laluan ke pili bomba itu, kedudukan pili bomba itu berhubungan dengan tepi jalan yang sedia ada, atau penjarangan alur keluaranya dengan paras jalan, hendaklah disifatkan sebagai kerja yang menjejaskan pili bomba.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **24. Kewajipan pihak berkuasa air memberitahu Pengarah Negeri tentang apa-apa tindakan yang menjejaskan aliran air ke pili bomba.**

Jika pihak berkuasa air memutuskan hendak mengambil apa-apa tindakan atau melakukan apa-apa perbuatan atau menjalankan apa-apa kerja yang akan atau mungkin akan mengurang atau menghentikan aliran air ke mana-mana pili bomba, maka adalah menjadi kewajipan pihak berkuasa air itu memberitahu Pengarah Negeri yang berkenaan secara bertulis mengenai keputusan itu dengan seberapa segera yang mungkin selepas keputusan itu dibuat.

### **25. Kuasa memasang plat tempat pili bomba.**

(1) Setelah memberi tujuh hari notis secara bertulis kepada pemunya mana-mana harta yang terletak berhampiran dengan pili bomba, Ketua Pengarah boleh menyebabkan suatu plat yang menunjukkan tempat pili bomba itu dipasangkan pada mana-mana bahagian harta tersebut yang, pada pendapat Ketua Pengarah, adalah paling sesuai untuk menunjukkan tempat tersebut.

(2) Mana-mana orang yang enggan membenarkan pemasangan apa-apa plat sedemikian sebagaimana yang tersebut dalam subseksyen (1) atau menggalang mana-mana orang yang sedang memasangnya atau mengalih atau mencatitkan apa-apa plat sedemikian setelah ia dipasang adalah melakukan suatu kesalahan.

### **26. Menyembunyikan dan menyalahgunakan pili bomba.**

Mana-mana orang yang menutup, mengepung, atau menyembunyikan mana-mana pili bomba hingga menjadikan tempatnya sukar dipastikan, atau mengganggu mana-mana pili bomba, atau menggunakan pili bomba selain daripada tujuan menentang kebakaran adalah melakukan suatu kesalahan.

## **BAHAGIAN V PERAKUAN BOMBA**

### **27. Kuasa Ketua Pengarah untuk menentukan dan menetapkan penggunaan, saiz, atau tempat, tertentu sesuatu premis.**

(1) Ketua Pengarah boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menentukan dan menetapkan penggunaan, saiz, atau tempat, tertentu premis bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah Akta ini.

(2) Jika suatu bahagian mana-mana premis menjadi premis ditetapkan, maka mana-mana bahagian lain premis tersebut hendaklah dikira sebagai menjadi sebahagian premis ditetapkan itu.

### **28. Keperluan bagi perakuan bomba.**

(1) Tiap-tiap premis ditetapkan hendaklah memerlukan suatu perakuan bomba.

(2) Suatu perakuan bomba boleh diperbaharui setiap tahun.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi premis yang disediakan bagi, dan digunakan semata-mata atau terutamanya untuk, sembahyang keagamaan awam, atau premis yang terdiri daripada atau termasuk dalam rumah yang diduduki sebagai tempat kediaman persendirian yang berasingan:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat Ketua Pengarah ada apa-apa bahaya kebakaran dalam premis yang tersebut dalam subseksyen ini, maka Ketua Pengarah boleh menghendaki premis tersebut dikenakan pemeriksaan berkala dan apa-apa arahan yang perlu boleh diberikan kepada pemunya premis tersebut bagi pematuhan wajar akan peruntukan-peruntukan Akta ini.

### **29. Permohonan dan pengeluaran perakuan bomba.**

(1) Sesuatu permohonan bagi perakuan bomba berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut bentuk yang ditetapkan.

(2) Apabila menerima permohonan bagi perakuan bomba berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan Ketua Pengarah boleh menghendaki pemohon, dalam suatu tempoh yang dinyatakan, mengemukakan kepadanya apa-apa pelan premis tersebut serta apa-apa butir lain yang relevan sebagaimana yang dinyatakannya.

(3) Jika pemohon tidak mengemukakan pelan-pelan yang dikehendaki dan butir-butir relevan tersebut dalam masa yang dinyatakan, maka permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

(4) Jika permohonan bagi perakuan bomba telah dibuat dengan sepenuhnya, maka Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan dijalankan suatu pemeriksaan ke atas premis ditetapkan itu, dan apabila berpuas hati adanya kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran yang mencukupi, mengikut mana yang berkenaan, berhubungan dengan penggunaan premis ditetapkan itu, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan bomba berkenaan dengan premis ditetapkan itu tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan atau yang ditetapkan.

(5) Jika Ketua Pengarah, selepas menyebabkan dijalankan suatu pemeriksaan di bawah subseksyen (4) ke atas premis yang berkenaan, tidak berpuas hati tentang adanya apa-apa kemudahan yang mencukupi berhubungan dengan penggunaan premis ditetapkan itu seperti yang disebut terdahulu, maka dia hendaklah, dengan menyampaikan notis kepada pemohon, memberitahu pemohon tentang

keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi dalam masa yang dinyatakan sebelum perakuan bomba itu boleh dikeluarkan kepada pemohon.

(6) Dalam seksyen ini, "pemohon" ertinya pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan itu.

### **30. Bentuk perakuan bomba.**

Tiap-tiap perakuan bomba yang dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan.

### **31. Menetapkan fee bagi pengeluaran perakuan bomba.**

Ketua Pengarah boleh menetapkan fee yang kena dibayar bagi pengeluaran perakuan bomba dan caj bagi pemeriksaan mana-mana premis ditetapkan yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

### **32. Perubahan keadaan yang menjejaskan kecukupan kemudahan keselamatan diri, dll.**

(1) Selagi suatu perakuan bomba ada berkuatkuasa berkenaan dengan mana-mana premis, Ketua Pengarah boleh menyebabkan mana-mana bahagian, premis yang berkenaan diperiksa pada bila-bila masa yang munasabah bagi maksud memastikan sama ada terdapat perubahan keadaan yang disebabkan olehnya kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran telah menjadi tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan tersebut.

(2) Jika penghuni mana-mana premis ditetapkan bercadang hendak membuat sesuatu perubahan material pada premis itu semasa suatu perakuan bomba berkuatkuasa berkenaan dengannya, maka dia hendaklah, sebelum perlaksanaan cadangan itu dimulakan, memberi notis mengenai cadangan itu kepada Ketua Pengarah; dan jika perlaksanaan cadangan itu dimulakan tanpa pemberian notis sedemikian, maka penghuni itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati, berkenaan dengan mana-mana premis yang mengenainya notis di bawah subseksyen (2) telah diberikan kepadanya, bahawa perlaksanaan cadangan yang diberitahu itu akan mengakibatkan kemudahan-kemudahan yang tersebut dalam subseksyen (1) menjadi tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan bomba yang berkenaan, Ketua Pengarah boleh melalui notis yang disampaikan kepada penghuni itu memberitahunya mengenai langkah-langkah yang sepatutnya diambil untuk mengelakkan kelengkapan yang berkenaan itu menjadi tidak mencukupi sekiranya cadangan-cadangan itu dilaksanakan, dan jika langkah-langkah tersebut diambil dengan sewajarnya berkaitan dengan perlaksanaan cadangan-cadangan itu, maka Ketua Pengarah hendaklah meminda perakuan bomba itu atau, atas pembayaran fee yang ditetapkan, mengeluarkan perakuan baru.

(4) Jika Ketua Pengarah berpuas hati, berkenaan dengan mana-mana premis yang mengenainya suatu perakuan bomba ada berkuatkuasa, bahawa apa-apa kemudahan yang tersebut dalam subseksyen (1) telah, akibat sesuatu perubahan keadaan, menjadi tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan tersebut, maka Ketua Pengarah boleh melalui notis yang disampaikan kepada penghuni -

(a) memberitahunya mengenai fakta itu dan mengarahkannya supaya mengambil apa-apa langkah yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah untuk menjadikan kemudahan yang berkenaan itu mencukupi; dan

(b) memberitahunya bahawa jika langkah-langkah tersebut tidak diambil, perakuan bomba itu boleh dikansel,

dan jika langkah-langkah tersebut diambil dengan sewajarnya hendaklah, jika perlu, meminda perakuan bomba itu atau, atas pembayaran fee yang ditetapkan, mengeluarkan perakuan baru.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang diberi oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (4) (a) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **33. Kesalahan berhubungan dengan perakuan bomba.**

Jika tiada perakuan bomba berkuatkuasa berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan, maka pemunya premis tersebut adalah melakukan suatu kesalahan.

### **34. Hak merayu.**

Mana-mana orang yang terkilan -

(a) dengan keengganan Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perakuan bomba di bawah seksyen 29 (4);

(b) dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah atas perakuan bomba yang dikeluarkan kepadanya; atau

(c) dengan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 32 (3) atau (4);

boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari pemberitahuan keengganan atau keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri yang keputusannya mengenai perkara itu adalah muktamad.

### **35. Kuasa mahkamah melarang atau menyekat penggunaan premis tertentu.**

(1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati berkenaan dengan mana-mana premis, sama ada ditetapkan atau tidak, bahawa risiko kepada manusia atau harta sekiranya berlaku kebakaran adalah begitu serius hingga penggunaan premis itu patut dilarang atau disekat sehingga langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan risiko itu ke paras yang berpatutan, maka Ketua Pengarah boleh, dengan cara membuat aduan, memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah larangan.

(2) Apabila menerima aduan dan permohonan bagi perintah larangan di bawah subseksyen (1), mahkamah hendaklah menyampaikan notis dalam borang E dalam Jadual kepada pemunya atau penghuni premis itu, atau kedua-duanya, meminta mereka memberi sebab kenapa suatu perintah larangan tidak patut dibuat; dan jika sebab-sebabnya tidak diberikan oleh sama ada pemunya atau penghuni itu atau kedua-duanya, maka mahkamah boleh mengeluarkan perintah sedemikian melarang atau menyekat penggunaan premis tersebut.

(3) Sesuatu perintah larangan hendaklah dalam Borang F dalam Jadual dan hendaklah disampaikan kepada kedua-dua pemunya dan penghuni premis yang berkenaan.

(4) Apabila pemunya atau penghuni premis memohon untuk membatalkan perintah larangan, atau apabila diberitahu oleh Ketua Pengarah bahawa risiko telah dikurangkan ke paras yang berpatutan, mahkamah, jika berpuas hati bahawa premis yang berkenaan dengannya suatu perintah larangan berkuatkuasa tidak akan mendatangkan apa-apa risiko yang serius kepada manusia atau harta jika berlaku kebakaran, boleh membatalkan perintah larangan tersebut.

(5) Mana-mana orang yang tanpa alasan munasabah dengan disedarinya melanggar suatu perintah larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi



sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **36. Rayuan terhadap perintah larangan atau keengganan membuat perintah larangan.**

(1) Mana-mana pemunya atau penghuni yang tidak berpuas hati dengan perintah larangan yang dibuat di bawah seksyen 35 (2) boleh, dalam masa sepuluh hari dari pembuatan perintah itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(2) Jika mahkamah enggan membuat perintah larangan, maka Ketua Pengarah boleh, dalam masa sepuluh hari dari keputusan mahkamah itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(3) Suatu rayuan terhadap perintah larangan tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila sebab-sebab yang mencukupi diberi, membenarkan penggantungan pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

## **BAHAGIAN VI PENGUATKUASAAN**

### **37. Penguatkuasaan Akta.**

Adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

### **38. Kuasa untuk masuk.**

(1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh, bersama-sama dengan mana-mana orang lain yang difikirkan perlu oleh pegawai itu, memasuki mana-mana premis bagi maksud -

(a) menentukan sama ada terdapat, atau pernah terdapat, pada atau berkaitan dengan premis itu, apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini;

(b) mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan dengan premis itu sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan menentang kebakaran, termasuk bekalan air yang boleh didapati untuk atau di premis itu dan jalan masuk ke bekalan air tersebut;

(c) menentukan sama ada terdapat apa-apa bahaya kebakaran di dalam atau yang menjejaskan premis itu;

(d) menjalankan apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu berhubungan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam peruntukan-peruntukan Akta ini; atau

(e) menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas Ketua Pengarah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, yang tiada kuasa masuk diberikan oleh undang-undang tersebut bagi menjalankan atau melaksanakannya.

(2) Tiada tempat kediaman persendirian boleh dimasuki menurut kuasa seksyen ini di antara jam tujuh petang hingga jam tujuh pagi.

(3) Sebelum memasuki mana-mana premis menurut kuasa seksyen ini, pegawai diberikuasa hendaklah menunjukkan kad pengenalnya kepada penghuni premis tersebut, jika ada, dan dalam hal seseorang pegawai diberikuasa yang lain daripada Ketua Pengarah, pemberikuasaan bertulis Ketua Pengarah dan adalah sah bagi penghuni premis itu tidak membenarkan pegawai diberikuasa itu

masuk atau mengusirnya daripada premis itu jika, apabila diminta oleh penghuni tersebut, dia gagal atau enggan mengemukakan kad pengenalan, dan mengikut mana yang berkenaan, pemberikuasaan tersebut.

(4) Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah meninggalkan mana-mana premis kosong atau tak didiami yang telah dimasukinya menurut kuasa seksyen ini dalam keadaan selamat daripada penceroboh sebagaimana keadaan yang terdapat semasa dia memasukinya.

### **39. Sekatan ke atas pendedahan maklumat.**

Mana-mana orang yang mendedahkan, selain daripada pada melaksanakan tugasnya atau bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang, termasuk timbangtara, atau bagi maksud sesuatu laporan di mana-mana prosiding tersebut, apa-apa maklumat yang diperolehinya berhubungan dengan apa-apa proses pengilangan atau apa-apa tred, semasa menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **40. Kuasa untuk menangkap tanpa waran.**

(1) Mana-mana pegawai diberikuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang -

(a) yang didapati melakukan kesalahan di bawah seksyen 47; atau

(b) yang disyakinya dengan munasabahnya telah melakukan apa-apa kesalahan lain di bawah Akta ini jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya atau memberikan suatu alamat di luar Malaysia atau ada didapati alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia telah memberi nama dan alamat palsu atau bahawa dia mungkin akan melarikan diri.

(2) Jika mana-mana orang telah ditangkap menurut subseksyen (1) oleh seseorang pegawai diberikuasa, maka pegawai yang membuat penangkapan itu hendaklah mematuhi seksyen 28 Kanun Prosedur Jenayah [*N.M.B. Bab 6*] seolah-olah dia adalah seorang pegawai polis.

### **41. Kuasa bagi penyiasatan.**

(1) Mana-mana pegawai diberikuasa adalah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai diberikuasa supaya memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain berhubungan dengan perlakuan apa-apa kesalahan yang mana ia adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat atau mengemukakan dokumen atau benda lain itu.

### **42. Kuasa menghendaki kehadiran saksi.**

(1) Seseorang pegawai diberikuasa yang menjalankan penyiasatan di bawah seksyen 41 boleh melalui perintah bertulis menghendaki mana-mana orang yang didapati oleh pegawai itu mengetahui hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang tersebut tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, maka pegawai itu boleh melaporkannya kepada seorang Majistret yang sesudah itu boleh mengikut budi bicaranya

mengeluarkan suatu waran untuk menjamin kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang disebut terdahulu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) adalah berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan saraan yang dilakukan olehnya; dan adalah sah bagi Ketua Pengarah untuk membayar perbelanjaan tersebut.

#### **43. Pemeriksaan saksi-saksi.**

(1) Seseorang pegawai diberikuasa yang menjalankan penyiasatan di bawah seksyen 41 boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka mengetahui fakta-fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang mana jawapannya berkemungkinan akan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau lucuthak.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang sebenar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai diberikuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamasa mungkin, diubahkan dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap jarinya, mengikut mana yang berkenaan, setelah pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dia membuatnya dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedahan yang mungkin dikehendakinya.

#### **44. Penjalanan pendakwa.**

Tiap-tiap pegawai diberikuasa adalah berkuasa untuk hadir di mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

### **BAHAGIAN VII SIASATAN TENTANG KEBAKARAN**

#### **45. Siasatan tentang kebakaran.**

(1) Menteri boleh melantik mana-mana orang atau orang-orang untuk mengadakan siasatan tentang punca dan hal keadaan apa-apa kebakaran dan tindakan yang telah diambil untuk menentang atau memadamkan kebakaran itu dan untuk melaporkan tentang punca, hal keadaan, dan tindakan tersebut, dan membuat syor-syor, berdasarkan dapatan siasatan itu, mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah berlakunya, dan untuk memperbaiki cara-cara menentang atau memadam, kebakaran secara amnya.

(2) Seksyen 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 19, 21 dan 22 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] hendaklah, dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang perlu dan setakat yang berkenaan, terpakai bagi siasatan di bawah subseksyen (1) dan bagi mana-mana orang yang mengadakan siasatan itu seolah-

olah siasatan dan orang itu masing-masingnya suatu siasatan dan Suruhanjaya di bawah Akta tersebut.

#### **46. Mengambil milik premis dan harta lain yang telah dirosakkan atau dimusnahkan oleh api.**

(1) Jika, disebabkan oleh kebakaran, mana-mana premis atau bahagian mana-mana premis telah menjadi tidak boleh diduduki, Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa dalam masa tujuh hari selepas kejadian kebakaran itu, mengambil milik premis itu atau bahagiannya dan apa-apa harta atau benda lain yang telah dirosakkan, atau sisa-sisa apa-apa harta atau benda lain yang dimusnahkan, oleh api, dan boleh meneruskan pemilikan ke atas premis, bahagian, harta, atau benda tersebut untuk suatu tempoh yang tidak melebihi tiga puluh hari selepas pengambilmilikannya, melainkan dalam tempoh tersebut seorang atau beberapa orang telah dilantik untuk mengadakan siasatan di bawah seksyen 45, dan dalam hal yang sedemikian Ketua Pengarah boleh terus mengekalkan pemilikan premis, bahagian, harta, atau benda itu sehingga tamatnya siasatan tersebut.

(2) Jika Ketua Pengarah telah mengambil milik mana-mana premis atau bahagian mana-mana premis di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, pada bilamasa perlu, menyebabkan sawar atau sawar-sawar didirikan di sekeliling premis atau bahagiannya itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah selepas itu menempelkan notis-notis, di mana-mana tempat supaya orang yang menghampiri premis itu atau bahagiannya dari mana-mana arah boleh melihat satu daripada notis itu semasa dia sampai ke mana-mana sawar atau mana-mana bahagiannya, memberitahu orang ramai bahawa milikan premis itu atau bahagiannya telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan bahawa adalah dilarang untuk memasuki premis itu atau bahagiannya.

#### **47. Kehadiran tanpa kebenaran dalam premis yang telah diambil milik di bawah seksyen 46.**

Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada dalam mana-mana premis atau bahagian mana-mana premis yang telah diambil milik oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 46 adalah melakukan suatu kesalahan.

### **BAHAGIAN VIII KUMPULAN WANG KEBAJIKAN**

#### **48. Penubuhan Kumpulan Wang.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang bernama "Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba" yang akan dikendalikan sebagai Akaun Amanah dalam, Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada -

(a) semua dendaan yang dikenakan ke atas Pegawai Bomba dalam mana-mana prosiding disiplin;

(b) satu perdua daripada jumlah wang yang dibayar bagi perkhidmatan Pegawai Bomba yang ditugaskan menjalankan tugas khas di bawah seksyen 50 dan bagi penggunaan kelengkapan yang disediakan baginya;

(c) semua jumlah wang dan harta lain yang diberi kepada Pegawai Bomba dan dilucuthakkan atas perintah mahkamah;

(d) derma-derma atau hadiah yang diberikan kepada Kumpulan Wang atau kepada anggota-anggota perseorangan Jabatan Perkhidmatan Bomba masing-masingnya dan diterima oleh Ketua Pengarah;

(e) pendapatan yang didapati daripada pelupusan harta atau pelaburan yang telah dibeli atau didapati daripada wang Kumpulan Wang; dan

(f) semua jumlah wang atau faedah yang diperolehi daripada penganjuran seminar atau peristiwa lain.

#### **49. Kawalan Kumpulan Wang.**

Kumpulan Wang hendaklah dikawal oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan digunakan -

(a) untuk memberi pampasan kepada Pegawai Bomba bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh mereka;

(b) bagi maksud -

(i) mengadakan keselesaan, kesenangan dan faedah lain, yang tidak dipertanggungjawabkan kepada hasil awam, bagi; atau

(ii) memberi pinjaman kepada,

Pegawai Bomba, bekas Pegawai Bomba yang telah bersara dengan pencen, ganjaran atau elaun lain atau orang-orang yang bergantung sebahagiannya atau keseluruhannya kepada Pegawai Bomba atau bekas Pegawai Bomba yang telah mati pada masa kematiannya.

### **BAHAGIAN XI PELBAGAI**

#### **50. Tugas khas dan perbelanjaannya.**

(1) Atas permohonan mana-mana orang Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, menugaskan mana-mana pegawai diberikuasa menjalankan tugas khas di dalam, di atas atau di persekitaran mana-mana premis, vesel, kenderaan, pesawat udara atau mana-mana struktur boleh alih yang dinyatakan oleh pemohon dan, bagi maksud itu, menyediakan apa-apa kelengkapan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Pemohon hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah bagi perkhidmatan mana-mana pegawai diberikuasa yang ditugaskan sedemikian dan bagi penggunaan apa-apa kelengkapan yang disediakan itu apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan.

#### **51. Mengganggu Pegawai-Pegawai Bomba dalam melaksanakan tugas-tugasnya.**

Mana-mana orang yang bersengaja mencaci, menyerang, mengacau, menghalang, menggalang, atau mengganggu mana-mana Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan yang bertindak dalam melaksanakan tugas-tugasnya atau mana-mana orang lain yang membantu Jabatan Perkhidmatan Bomba di bawah arahan tertentu pegawai penjaga adalah melakukan suatu kesalahan.

## **52. Kegagalan mematuhi arahan.**

Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh seorang pegawai diberikuasa yang menjalankan tugasnya di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

## **53. Pemakaian pakaian seragam tanpa kebenaran.**

Mana-mana orang, yang bukannya Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan, yang memakai apa-apa pakaian seragam Jabatan Perkhidmatan Bomba atau apa-apa pakaian yang mempunyai tanda khas, atau yang mungkin disalahkan sebagai, apa-apa pakaian seragam sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan.

## **54. Pemalsuan dokumen, pernyataan palsu, dsb.**

Mana-mana orang yang -

- (a) dengan niat hendak memperdaya, membuat atau memalsukan sesuatu perakuan bomba atau ada dalam miliknya suatu perakuan bomba tak berkebenaran; atau
- (b) semasa membuat permohonan bagi perakuan bomba, membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat yang diketahuinya sebagai palsu dalam butir matan atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat yang nyata palsu; atau
- (c) tatkala berupa mematuhi apa-apa obligasi untuk memberi maklumat di bawah Akta ini, memberi apa-apa maklumat yang diketahuinya sebagai palsu dalam butir matan atau dengan melulu memberi apa-apa maklumat yang nyata palsu; atau
- (d) membuat apa-apa catatan yang diketahuinya sebagai palsu dalam butir matan dalam apa-apa daftar, buku, notis atau dokumen lain yang dikehendaki disimpan, disampaikan, atau diberi, di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

## **55. Kesalahan-kesalahan berkenaan dengan penggera kebakaran.**

Mana-mana orang yang merosakkan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendeaktifkan mana-mana penggera kebakaran tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan.

## **56. Memberi laporan palsu mengenai kebakaran.**

Mana-mana orang yang bersengaja memberikan atau menyebabkan diberikan suatu laporan palsu mengenai kebakaran atau bencana lain adalah melakukan suatu kesalahan.

## **57. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.**

(1) Jika kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh apa-apa keabaian di pihak, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang seumpamanya bagi

pertubuhan perbadanan itu, atau mana-mana orang yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, maka dia serta pertubuhan perbadanan itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika hal ehwal sesuatu pertubuhan perbadanan diuruskan oleh ahli-ahlinya, maka subseksyen (1) hendaklah terpakai berhubungan dengan tindakan dan keingkaran seseorang ahli berkaitan dengan fungsi pengurusannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah pertubuhan perbadanan itu.

#### **58. Penalti am.**

Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang tiada penalti diperuntukkan dengan nyata baginya apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

#### **59. Mengkompaun kesalahan.**

(1) Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba yang diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun, dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabahnyanya melakukan kesalahan tersebut sejumlah wang yang tidak melebihi lima ratus ringgit:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah atau pegawai yang diberikuasa sedemikian tidaklah boleh menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini melainkan orang itu mengaku secara bertulis bahawa dia telah melakukan kesalahan tersebut dan meminta Ketua Pengarah atau pegawai tersebut menyelesaikan kesalahan itu di bawah seksyen ini.

(2) Apabila apa-apa jumlah wang tersebut dibayar, orang yang disyaki dengan munasabahnyanya telah melakukan sesuatu kesalahan, jika dalam tahanan, hendaklah dibebaskan dan tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu.

#### **60. Kuasa memakai Akta bagi vesel dan struktur boleh alih.**

Peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai, tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian, sebagaimana yang ditetapkan, bagi -

(a) vesel yang berada di tambatan atau di daratan bagi apa-apa tempoh atau dalam apa-apa hal, keadaan yang ditetapkan; dan

(b) khemah-khemah dan lain-lain struktur boleh alih.

#### **61. Penyampaian notis dan dokumen-dokumen lain.**

(1) Suatu notis atau dokumen lain boleh disampaikan kepada seseorang atau badan bagi maksud-maksud Akta ini -

(a) dengan menghantar notis atau dokumen itu kepada orang itu; atau

(b) dengan menghantar notis atau dokumen itu -

(i) ke tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui orang itu, kepada pengkhidmatnya atau kepada ahli keluarganya yang dewasa; atau

(ii) ke pejabat berdaftar badan itu atau ke tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui badan itu, kepada pengkhidmat atau ejennya; atau

(c) dengan meninggalkan notis atau dokumen itu di dalam suatu sampul dialamatkan kepada orang atau badan itu -

(i) di tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui orang itu; atau

(ii) di pejabat berdaftar badan itu atau di tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui badan itu; atau

(d) dengan menghantar notis atau dokumen itu secara pos berdaftar yang dibayar dulu kepada orang atau badan itu -

(i) ke tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui orang itu; atau

(ii) ke pejabat berdaftar badan itu atau ke tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui badan itu.

(2) Jika nama atau alamat mana-mana pemunya atau penghuni premis yang hendak disampaikan apa-apa notis atau dokumen lain seperti yang disebut terdahulu tidak dapat dipastikan selepas suatu siasatan yang munasabah oleh orang yang hendak menyampaikan notis atau dokumen itu, maka notis atau dokumen tersebut bolehlah disampaikan dengan mengalamatkannya kepada orang yang hendak disampaikan notis atau dokumen itu dengan perihalan "pemunya" atau "penghuni" premis (dengan memperihalkannya) yang dimaksudkan oleh notis itu atau dokumen tersebut, dan dengan menghantarserahkannya kepada mana-mana orang yang bertanggungjawab yang tinggal atau berupa tinggal di premis tersebut, atau, jika tiada orang yang sedemikian yang boleh dihantarserahkan notis atau dokumen itu, dengan meletakkan notis atau dokumen itu atau salinannya di mana-mana bahagian premis itu yang mudah kelihatan.

(3) Suatu notis atau dokumen yang disampaikan melalui pos berdaftar yang dibayar dulu di bawah perenggan (d) subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa surat yang mengandungi notis atau dokumen itu dihantarserah dalam perjalanan biasa pos; dan adalah menjadi bukti penyampaian yang cukup bahawa surat itu telah dialamatkan dengan betul mengikut perenggan itu dan telah diposkan; tetapi jika surat itu dipulangkan melalui pos tidak dihantar, notis atau dokumen itu hendaklah disifatkan telah tidak disampaikan.

(4) Dalam seksyen ini, "badan" termasuklah pertubuhan perbadanan atau perkongsian.

## **62. Kuasa membuat peraturan-peraturan.**

(1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan tujuan-tujuan dan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan terdahulu, bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

(a) mengawalselia pengilangan, penjualan, pemasangan, pengujian, penservisan, dan pengecasan semula kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran;

(b) menetapkan jenis, tempat, dan pengujian kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang digunakan dalam mana-mana premis;

(c) mengawalselia penubuhan pasukan bomba di organisasi persendirian, institusi pendidikan dan organisasi sukarela;

(d) mengawalselia penubuhan organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan;



(e) menetapkan pakaian seragam, tanda pangkat, kad pengenalan dan keperluan-keperluan yang hendak dibekalkan kepada Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan;

(f) mengadakan peruntukan bagi semua perkara yang berhubungan dengan Pegawai Bomba Bantuan, termasuk tugas, kuasa, elaun dan pampasan mereka;

(g) menetapkan tatasusila bagi Pegawai-Pegawai Bomba;

(h) melarang, menyekat, atau mengawal pembakaran oleh mana-mana orang akan hutan, belukar, atau tumbuhan-tumbuhan lain di mana-mana kawasan;

(i) mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan keselamatan kebakaran dan langkah-langkah berjaga-jaga kebakaran;

(j) melarang, menyekat, atau mengawal pembakaran bahan-bahan mudah terbakar;

(k) mengawalselia pengangkutan, penggunaan, pengendalian, atau penstoran bahan-bahan mudah terbakar;

(l) menetapkan fee yang kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini;

(m) menetapkan perkara-perkara yang boleh atau dikehendaki ditetapkan;

(n) menetapkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini yang boleh dikompaun, prosedur yang hendak diikuti dan borang yang hendak dipakai semasa mengkompaun;

(o) mengawalselia pengendalian Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

(2) Menteri boleh, dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1), menetapkan penalti denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya kerana pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan-peraturan tersebut dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **63. Pemansuhan.**

(1) Bahagian X Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Pemansuhan Akta 171*] adalah dimansuhkan.

(2) Enakmen Perkhidmatan Bomba bagi Negeri Sabah [*Sabah 12/71*] adalah dimansuhkan.

**JADUAL**

**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988**

**BORANG A**

(Seksyen 8 (1))

**NOTIS MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN**

Kepada.....  
.....  
.....

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba +, setelah berpuas hati tentang adanya di ..... (*premis*) suatu bahaya kebakaran, iaitu ..... (*perihalkan bahaya kebakaran itu*) dengan ini, menurut seksyen 8 (1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, menghendaki tuan, dalam masa ..... dari penyampaian notis ini, (1) menghapuskan bahaya kebakaran itu, dan bagi tujuan itu hendaklah ..... (*nyatakan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan*) dan (2)\* melakukan apa jua yang perlu bagi mencegah berulangnya bahaya kebakaran itu, dan bagi tujuan tersebut hendaklah..... (*nyatakan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan*)

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA jika tuan tidak mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam masa yang dinyatakan, tuan adalah melakukan suatu kesalahan yang mana apabila disabitkan tuan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

.....  
(Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba)

---

+ " atau mana-mana Pegawai Bomba yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh Ketua Pengarah".

\* Potong jika tidak perlu.

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BORANG B

(Seksyen 8 (2))

NOTIS MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN BERIKUTNYA

Kepada.....

.....

.....

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba +, setelah berpuas hati bahawa bahaya kebakaran yang bagi menghapuskannya suatu notis menghapuskan bahaya kebakaran bertarikh .....haribulan.....telah disampaikan kepada tuan\* [dan yang telah pun dihapuskan sejak itu] mungkin akan berulang lagi di ..... (premis) dengan ini, menurut seksyen 8 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, menghendaki tuan, dalam masa ..... dari penyampaian notis ini, melakukan apa jua yang perlu bagi mencegah berulangnya bahaya kebakaran itu, dan bagi tujuan tersebut hendaklah ..... (nyatakan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan)

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA jika tuan tidak mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam masa yang dinyatakan, tuan adalah melakukan suatu kesalahan yang mana apabila disabitkan tuan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

.....  
(Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba)

---

+ " atau mana-mana Pegawai Bomba yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh Ketua Pengarah".

\* Potong jika kebakaran belum lagi dihapuskan.

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BORANG C

(Seksyen 13 (2))

NOTIS UNTUK MEMBERI SEBAB

BAHAWASANYA saya telah menerima suatu aduan daripada.....(*nama dan pangkat Pegawai Bomba*) bahawa..... (*isi pokok aduan yang diterima*)

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN SUPAYA..... (*penentang*) hadir di Mahkamah Majistret di .....pada..... haribulan ....., 19.....jam..... untuk memberi sebab kenapa perintah tutup tidak patut dibuat berkenaan dengan.....(*premis*)

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah, pada ..... haribulan ....., 19 .....

(METERAI)

*Majistret*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BORANG D

(Seksyen 13 (3))

PERINTAH TUTUP

BAHAWASANYA Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba+ telah, melalui suatu aduan, memohon kepada mahkamah ini bagi suatu perintah tutup berkenaan dengan..... (*premis*) atas alasan.....

DAN BAHAWASANYA ....., pemunya premis itu, dan ..... penghuni premis itu, telah disampaikan notis meminta mereka memberi sebab kenapa suatu perintah tutup tidak patut dibuat \* [dan..... tersebut telah tidak memberikan sebab, dan ..... tersebut telah tidak hadir untuk memberi sebab]:

OLEH ITU, setelah berpuas hati bahawa apa-apa penggunaan premis itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini boleh pada matannya meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran atau lain-lain bencana atau bahaya kepada nyawa atau harta akibat daripada kejadian kebakaran atau kejadian apa-apa bencana lain dan bahawa dengan yang demikian adalah perlu untuk melarang penggunaan yang sedemikian, saya, menurut seksyen 13 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, dengan ini melarang penggunaan premis itu bagi kegunaan berikut, iaitu.....

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah, pada..... haribulan..... 19.....

(METERAI)

*Majistret*

---

+ " atau mana-mana Pegawai Bomba yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh Ketua Pengarah".

\* Ubahsuaikan mengikut keperluan hal keadaan.

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BORANG E

(Seksyen 35 (2))

NOTIS UNTUK MEMBERI SEBAB

BAHAWASANYA saya telah menerima suatu aduan daripada..... (*nama dan pangkat Pegawai Bomba*) bahawa..... (*isi pokok aduan yang diterima*)

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN SUPAYA ..... (*penentang*)  
hadir di Mahkamah Majistret di ..... pada.....  
haribulan....., 19 .....jam..... untuk memberi sebab  
kenapa perintah larangan tidak patut dibuat berkenaan dengan..... (*premis*)

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah, pada .....  
haribulan....., 19 .....

(METERAI)

*Majistret*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BORANG F

(Seksyen 35 (3))

PERINTAH LARANGAN

BAHAWASANYA Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba+ telah, melalui suatu aduan, memohon kepada mahkamah ini bagi suatu perintah larangan berkenaan dengan.....  
(premis) atas alasan.....

DAN BAHAWASANYA ....., pemunya premis itu, dan .....,  
penghuni premis itu, telah disampaikan notis meminta mereka memberi sebab kenapa suatu perintah larangan tidak patut dibuat \*[dan.....tersebut telah tidak memberikan sebab, dan.....tersebut telah tidak hadir untuk memberi sebab]:

OLEH ITU, setelah berpuas hati bahawa apa-apa penggunaan premis itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini boleh membahayakan manusia atau harta jika berlaku kebakaran dan bahawa dengan yang demikian adalah perlu untuk melarang penggunaan yang sedemikian, saya, menurut seksyen 35 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, dengan ini \*melarang penggunaan premis yang tersebut di atas/menyekat penggunaan premis yang tersebut di atas, iaitu.....

DIBERI di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah, pada..... haribulan.....  
19.....

(METERAI)

*Majistret*

---

+ " atau mana-mana Pegawai Bomba yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh Ketua Pengarah".